



24 OCT, 2024

Kastam Pahang rampas rokok dan minuman keras bernilai RM2.7 juta

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam Pahang rampas rokok dan minuman keras bernilai RM2.7 juta

KUANTAN – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang berjaya merampas rokok dan minuman keras yang diseludup bernilai kira-kira RM2.7 juta dalam satu serbuan di dua buah gudang di Taman Perindustrian Perdana Bukit Palong, Negeri Sembilan.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd. Asri Seman berkata, serbuan pada 28 Oktober lalu itu dibuat hasil aduan awam dan risikan pihaknya.

“Hasil pemeriksaan dilakukan

di sebuah gudang pada pukul 8 pagi menemukan sejumlah 3,156,961 batang rokok pelbagai jenis dengan anggaran nilai sebanyak RM286,118.40 membabitkan jumlah cukai dan duti dianggarkan RM2,112,205.44.

“Dalam serbuan kedua pada pukul 2 petang di sebuah lagi gudang berjaya menemukan minuman keras berjumlah 3,928.4 liter dengan anggaran nilai sebanyak RM65,538.91 membabitkan jumlah cukai dan duti yang terlibat dianggarkan RM227,597.74,” katanya pada sidang akhbar di Wis-

ma Kastam di sini semalam.

Katanya, dalam serbuan itu pihaknya turut merampas peralatan menyuling minuman keras dan tiada tangkapan dilakukan kerana tiada mana-mana individu berada di gudang berkenaan semasa serbuan dilakukan.

Ujarnya, rokok tidak berkastam didapati tidak memenuhi kriteria berdasarkan Butiran Satu (1), Bahagian Dua, Jadual Ketiga, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan disiasat di bawah Akta Kastam 1967.



24 OCT, 2024

Kastam Pahang rampas rokok dan minuman keras bernilai RM2.7 juta

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUANTAN - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang berjaya merampas rokok dan minuman keras yang diseludup bernilai kira-kira RM2.7 juta dalam satu serbuan di dua buah gudang di Taman Perindustrian Perdana Bukit Palong, Negeri Sembilan. Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd. Asri Seman berkata, serbuan pada 28 Oktober lalu itu dibuat hasil aduan awam dan risikan pihaknya.